

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan ayat yang lengkap.

Eng Ai Ni,
No. 34, Jalan 20/2,
Taman Indah,
40000, Shah Alam,
Selangor.

1 Jun 2017.

Menemui sahabatku, Johnny, yang berada di Kluang. Apa khabar, saudara? Semoga saudara berada dalam keadaan yang sihat dan sejahtera. Saudara,

Tujuan saya menulis surat ini adalah untuk berkongsi pengalaman saya menjadi sukarelawan membantu mangsa banjir di Pekan, Pahang.

Semasa berada di sana, saya telah membantu menyediakan makanan kepada mangsa banjir di pusat pemindahan sementara di Dewan Serba Guna Daerah Pekan. Saya juga sempat membantu mangsa banjir membersihkan *kediaman* mereka. Banyak barangan seperti perabot dan peralatan elektrik telah rosak.

Banyak pihak turut menghulurkan bantuan kepada mangsa banjir. Saya berharap agar bantuan yang dihulurkan dapat mengurangkan beban mereka.

Setakat ini sahaja yang dapat saya kongsi. Saya berharap agar kita dapat berjumpa dalam lembaran lain.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Ai Ni

- 1 Perkataan *kediaman* dalam petikan boleh digantikan dengan perkataan _____
- 2 Apakah topik yang dikongsi oleh penulis dalam suratnya?

- 3 Pada pendapat kamu, apakah jenis bantuan yang boleh dihulurkan kepada mangsa banjir?  Menilai

